

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	06 JUNE 2017

## Dana pelaburan KWAP mampu capai RM500 bilion

Um- 6/6/2017 Pg. 3

**KUALALUMPUR 5 Jun** - Datuk Seri Najib Tun Razak yakin dana pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) mampu berkembang sehingga RM500 bilion pada tahun 2050 berdasarkan prestasi cemerlang pertumbuhan antara 8 hingga 10 peratus setahun.

Perdana Menteri berkata, sepanjang tempoh sedekad sejak ditubuhkan, KWAP telah merekodkan pencapaian dan prestasi yang amat membanggakan dengan saiz dana meningkat 200 peratus daripada RM42 bilion pada tahun 2007 kepada RM125 bilion pada Disember tahun lalu.

Menurut Perdana Menteri, daripada jumlah itu, RM53.6 bilion adalah hasil daripada penjana pendapatan pelaburan yang seterusnya akan digunakan untuk membiayai liabiliti pencen.

"KWAP telah mencatat pulangan kasar purata pelaburan sebanyak 6.5 peratus dalam tempoh 10 tahun ini meskipun prospek global tidak menentu, dengan cabaran luaran dalam pelaburan dan iklim ekonomi dalam tahun-tahun kebelakangan ini, saya per-



**NAJIB TUN RAZAK** diiringi Mohd. Irwan Serigar Abdullah dan Wan Kamaruzaman Wan Ahmad (lima dari kiri) bergambar bersama kakitangan KWAP selepas merasmikan bangunan Ibu pejabat KWAP di Menara Integra, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN

caya KWAP akan terus menunjukkan prestasi kewangan yang positif lagi konsisten sepertimana yang telah dicapai setakat ini.

"Sesungguhnya KWAP akan terus melakar prestasi cemerlang sebagai organisasi berprestasi tinggi. Saya difahamkan, KWAP

yakin dengan pertumbuhan lapan hingga 10 peratus setahun, dana KWAP akan berjaya mencapai angka RM500 bilion pada tahun

2050. Saya percaya unjuran ini akan dicapai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis sambutan ulang tahun KWAP ke-10 dan melancarkan aplikasi telefon mudah alih, MyPesara serta menandatangani plak bangunan Ibu pejabat KWAP di Menara Integra, di sini hari ini.

Aplikasi berkenaan adalah kerjasama KWAP dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi tujuan memudahkan 1.6 juta penjawat awam yang bakal bersara dan 700,000 pesara bagi meneliti status pencen, pembayaran pencen dan lain-lain.

Yang turut hadir ialah Pengerusi KWAP, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Wan Kamaruzaman Wan Ahmad.

Perdana Menteri berkata, sebagai dana persaraan kedua terbesar negara, KWAP telah menyumbang kepada pentadbiran negara dengan jayanya melalui pembiayaan dan pelaksanaan fungsi-fungsi persaraan yang efisien serta membantu kerajaan dalam

pengagihan semula pendapatan untuk memastikan kesejahteraan hidup kumpulan pesara terjamin.

"Selama ini, dana KWAP juga telah membantu kerajaan membiayai projek-projek rakyat seperti rumah-rumah mampu milik yang dibina oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), projek infrastruktur seperti kuarters kerajaan, hospital, sekolah, pusat sukan dan lain-lain melalui inisiatif kewangan swasta (PFI).

"Saya yakin KWAP sebagai institusi pelaburan akan terus memainkan peranan yang penting dalam memberikan pulangan optimum kepada pelaburan oleh pihak berkepentingan dan memberi impak positif kepada pembangunan negara," katanya.

Dalam pada itu, Najib mencadangkan KWAP menceburi pelaburan bidang penjagaan kesihatan berikutan Malaysia dijangka mencapai status negara menua pada 2030, berdasarkan kajian yang dibuat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Bagaimanapun katanya, pelaburan itu perlu menepati kriteria dan mampu memberi pulangan kepada KWAP.